

BUKU PANDUAN PERSATUAN PUSTAKAWAN MALAYSIA
PERSATUAN PUSTAKAWAN MALAYSIA HANDBOOK

Disusun oleh:
Compiled by:

Jawatankuasa Kerja Buku Panduan, Persatuan Pustakawan Malaysia
Working Committee on Handbook, Librarians Association of Malaysia

Persatuan Pustakawan Malaysia
Kuala Lumpur
2018

©PPM (Persatuan Pustakawan Malaysia), 2018

Diterbitkan oleh / Published by:
Persatuan Pustakawan Malaysia
P.O. Box 12545
50782 Kuala Lumpur
Malaysia
Emel / Email: pustakawan55@gmail.com

Perpustakaan Negara Malaysia
Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Cataloguing-in-Publication Data

Persatuan Pustakawan Malaysia. Jawatan Kuasa Kerja Buku Panduan.
Buku panduan Persatuan Pustakawan Malaysia = Persatuan Pustakawan handbook / disusun oleh
Jawatankuasa Kerja Buku Panduan, Persatuan Pustakawan Malaysia.

ISBN

1. Persatuan Pustakawan Malaysia – Handbooks, manuals, etc. 2. Librarians – Malaysia –
Societies, etc – Handbooks, manuals, etc. I. Persatuan Pustakawan Malaysia. II Judul.

**BUKU PANDUAN
PERSATUAN PUSTAKAWAN MALAYSIA**

KANDUNGAN

Pengenalan	1
Latar Belakang Sejarah	2
Senarai Yang Di Pertua/Presiden: 1955-2018	4
Visi	6
Misi	6
Objektif	6
Kod Etika	8
Jawatankuasa dan Kumpulan	10
Persatuan Pustakawan Malaysia: Perlembagaan (Pindaan) 1998	16
Persatuan Pustakawan Malaysia Handbook	37-72

PENGENALAN

Pada 2010 Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) telah menerbitkan sebuah buku panduan yang boleh digunakan oleh ahlinya sebagai rujukan kepada pengurusan Persatuan. Walau bagaimanapun, PPM telah melalui beberapa perubahan yang perlu direkod dalam buku panduan. Sehubungan dengan itu, satu Jawatankuasa Kerja Buku Panduan telah dibentuk untuk menyusun semula dan menerbitkan satu buku panduan baharu. Jawatankuasa ini dianggotai oleh:

1. Zawawi bin Tiyunin, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan Universiti Malaysia Sabah
2. Dr. Nor Edzan binti Che Nasir, Presiden 2014/2016, Persatuan Pustakawan Malaysia
3. Rohaya binti Umar, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, Universiti Kebangsaan Malaysia
4. Siti Sumaizan binti Ramli, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, Universiti Pendidikan Sultan Idris
5. Dg. Salwah binti Pg. Abd. Razak, Pustakawan Perpustakaan Negeri Sabah
6. Md. Sazali bin Md. Salleh, Timbalan Ketua Pustakawan, Universiti Malaysia Sabah

Buku panduan ini telah disusun semula dengan penambahan maklumat mengenai sejarah, perkembangan terkini dan mengemaskini terma rujukan jawatankuasa serta kumpulan. Di dalamnya terdapat maklumat mengenai PPM yang merangkumi:

1. Latar belakang sejarah
2. Senarai Yang Di Pertua/Presiden dari 1955 hingga 2018
3. Visi, Misi dan objektif
4. Kod Etika
5. Jawatankuasa dan Kumpulan
6. Perlembagaan (Pindaan) 1998

Penyusunan semula Buku Panduan PPM telah dibuat berpandu kepada Buku Panduan Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) yang telah diterbitkan oleh Jawatankuasa Penerbitan Buku Panduan PPM pada 2010. Bagi memastikan kekiniannya, buku panduan ini perlu disemak dan dikemaskini dari semasa ke semasa mengikut perkembangan Persatuan.

Oleh: Jawatankuasa Kerja Buku Panduan, Persatuan Pustakawan Malaysia

LATAR BELAKANG SEJARAH

Sejarah PPM bermula pada tahun 1955 di Singapura. Puan Hedwig Anuar dan Encik Wilfred J. Plumbe mula mengilhamkan penubuhan sebuah persatuan perpustakaan yang merangkumi Tanah Melayu dan Singapura. Dengan mengguna nama Perpustakaan Universiti Malaya, mereka menghantar pekeliling kepada semua pustakawan dan orang perseorangan yang berminat menjemput mereka menghadiri perjumpaan awal untuk berbincang mengenai kemungkinan penubuhan satu kumpulan atau persatuan perpustakaan pada penghujung tahun 1954. Lebih kurang 47 orang memberi maklum balas dengan menghadiri mesyuarat yang diadakan di Perpustakaan Universiti Malaya Singapura pada hari Jumaat, 7 Januari 1955 pada jam 8.30 malam. Kesemua 47 orang ini datang dari Tanah Melayu dan Singapura dengan penyertaan yang paling ramai dari Perpustakaan Universiti Malaya Singapura. Mesyuarat yang dipengerusi oleh Encik E. H. Clark bersetuju sebulat suara bahawa satu persatuan perpustakaan perlu ditubuh untuk menyatukan mereka yang berminat dalam bidang perpustakaan. Mesyuarat seterusnya telah diadakan di Raffles Library pada hari Jumaat, 25 Mac 1955 dan dihadiri oleh 36 orang ahli yang bersetuju dengan penubuhan satu persatuan yang dinamakan Malayan Library Group (MLG).

Objektif penubuhan MLG, seperti dinyatakan dalam perlembagaannya, adalah untuk:

1. Menyatu semua orang yang terlibat dalam kerja perpustakaan atau berminat dengan perpustakaan di Tanah Melayu,
2. Menggalak pentadbiran perpustakaan yang lebih baik,
3. Menggalak penubuhan dan pembangunan perpustakaan di Tanah Melayu,
4. Menggalak pendidikan dan latihan profesional dalam bidang kepustakawanan, dan
5. Melaksana pelbagai aktiviti termasuk mengada mesyuarat dan persidangan.

Kumpulan ini telah didaftar oleh Pendaftar Pertubuhan di Singapura pada 6 Jun 1955. Pengerusi pertamanya adalah Encik L. M. Harrod, Naib Pengerusi adalah Encik Wilfred J. Plumbe dan Setiausahanya ialah Puan Hedwig Anuar. Perpustakaan Universiti Malaya Singapura telah menjadi Sekretariat MLG.

Dalam Mesyuarat Agung Tahunan pada November 1958, MLG telah menukar namanya kepada Persatuan Perpustakaan Tanah Melayu dan Singapura. Walau bagaimanapun, Persatuan ini tidak dapat didaftar semula di Tanah Melayu kerana dasar Kerajaan ketika itu tidak membenarkan pendaftaran persatuan yang merangkumi Tanah Melayu dan Singapura.

Mesyuarat Agung Luar Biasa Persatuan Perpustakaan Tanah Melayu dan Singapura yang diadakan pada 27 Februari 1960 bersetuju supaya Persatuan dibubar secara rasmi dan diikuti dengan serta merta penubuhan Persatuan Perpustakaan Persekutuan Tanah Melayu (PPPTM) dan Library Association of Singapore (LAS). Encik Wilfred J. Plumbe dilantik sebagai Presiden pertama PPPTM dan Puan Hedwig Anuar dilantik sebagai Presiden pertama LAS.

Dengan pembentukan Malaysia pada tahun 1963, nama Persatuan Perpustakaan Persekutuan Tanah Melayu (PPPTM) ditukar kepada Persatuan Perpustakaan Malaysia (PPM) atau Library

Association of Malaysia (LAM). Perlembagaan PPM telah dipinda pada tahun 1998 untuk mengubah nama kepada Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) atau Librarians Association of Malaysia. Pada tahun yang sama, Kumpulan PPM Utara, Timur, Selatan, Sabah dan Sarawak telah ditubuh untuk memantapkan lagi aktiviti PPM di seluruh Malaysia.

Sejak penubuhannya, PPM telah memainkan peranan penting dalam pembangunan perpustakaan dan kepustakawanan di Malaysia. PPM telah terlibat dalam perkara berikut :

1. *Blueprint for Public Library Development in Malaysia, 1968* yang menyediakan pelan pembangunan perpustakaan awam dan menggariskan peranan perpustakaan negara.
2. *Blueprint for School Library Development in Malaysia, 1979* yang menekankan kepada penggunaan perpustakaan, keperluan kepada perubahan kurikulum dan kaedah mengajar serta penubuhan pusat sumber di sekolah dan maktab latihan perguruan.
3. Perkembangan perpustakaan universiti dan perpustakaan khusus.
4. Perkembangan pengajian sains perpustakaan dan maklumat.
5. Penerbitan.
6. Kerjasama serantau dan antarabangsa.

Mesyuarat Agong Tahunan PPM 2014/2015 yang diadakan di Perpustakaan Negara Malaysia telah bersetuju mengiktiraf 6 Jun setiap tahun sebagai Hari Pustakawan Kebangsaan atau *National Librarian's Day*. Bagi memperingati hari tersebut, pustakawan disaran untuk mengadakan pelbagai aktiviti yang boleh memberi kesedaran mengenai peranan yang dimainkan oleh pustakawan dalam masyarakat.

Maklumat mengenai PPM boleh di capai dari:

1. Laman sesawang <http://www.ppm55.org/>
2. Facebook <https://www.facebook.com/ppm55/>
3. Blog <https://beritappm.wordpress.com/>

SENARAI YANG DI PERTUA/PRESIDEN: 1955-2018

Bil.	Penggal	Nama Yang Di Pertua/Presiden	Nama Persatuan
1.	1955	L.M. Harrod	Malayan Library Group
2.	1956	E.H. Clark	Malayan Library Group
3.	1957	P.M. G. M. Mahindasa	Malayan Library Group
4.	1958	Jean M. Waller	Malayan Library Group
5.	1959	Hedwig Anuar	Persatuan Perpustakaan Tanah Melayu dan Singapura.
6.	1960/1961	Wilfred J. Plumbe	Persatuan Perpustakaan Persekutuan Tanah Melayu
7.	1961/1962	Charles J. Manuel	Persatuan Perpustakaan Persekutuan Tanah Melayu
8.	1962/1963	Charles J. Manuel	Persatuan Perpustakaan Persekutuan Tanah Melayu
9.	1963/1964	Charles J. Manuel	Persatuan Perpustakaan Persekutuan Tanah Melayu
10.	1964/1965	Syed Ahmad bin Ali	Persatuan Perpustakaan Persekutuan Tanah Melayu
			Persatuan Perpustakaan Malaysia
11.	1965/1966	Syed Ahmad bin Ali	Persatuan Perpustakaan Malaysia
12.	1966/1967	Syed Ahmad bin Ali	Persatuan Perpustakaan Malaysia
13.	1967/1968	Syed Ahmad bin Ali	Persatuan Perpustakaan Malaysia
14.	1968/1969	Syed Ahmad bin Ali	Persatuan Perpustakaan Malaysia
15.	1969/1970	Syed Ahmad bin Ali	Persatuan Perpustakaan Malaysia
16.	1970/1971	J. S. Soosai	Persatuan Perpustakaan Malaysia
17.	1971/1972	J. S. Soosai	Persatuan Perpustakaan Malaysia
18.	1972/1973	D. E. K. Wijasuriya	Persatuan Perpustakaan Malaysia
19.	1973/1974	D. E. K. Wijasuriya	Persatuan Perpustakaan Malaysia
20.	1974/1975	Syed Salim Agha	Persatuan Perpustakaan Malaysia
21.	1975/1976	D. E. K. Wijasuriya	Persatuan Perpustakaan Malaysia
22.	1976/1977	Rohani binti Rustam	Persatuan Perpustakaan Malaysia
23.	1977/1978	Ch'ng Kim See	Persatuan Perpustakaan Malaysia
24.	1978/1979	Edward Lim Huck Tee	Persatuan Perpustakaan Malaysia
25.	1979/1980	Edward Lim Huck Tee	Persatuan Perpustakaan Malaysia
26.	1980/1981	Ragayah binti Dato' Hj. Mohd Eusoff	Persatuan Perpustakaan Malaysia
27.	1981/1982	Rohani binti Rustam	Persatuan Perpustakaan Malaysia
28.	1982/1983	Shahaneem binti Mustafa	Persatuan Perpustakaan Malaysia

		Pemangku Presiden	
29.	1983/1984	Dr. Zaiton binti Osman	Persatuan Perpustakaan Malaysia
30.	1984/1985	Zawiyah binti Baba	Persatuan Perpustakaan Malaysia
31.	1985/1986	Puan Zawiyah binti Baba	Persatuan Perpustakaan Malaysia
32.	1986/1987	Rugayah binti Abdul Rashid	Persatuan Perpustakaan Malaysia
33.	1987/1988	Rugayah binti Abdul Rashid	Persatuan Perpustakaan Malaysia
34.	1988/1989	Rugayah binti Abdul Rashid	Persatuan Perpustakaan Malaysia
35.	1989/1990	Mariam binti Abdul Kadir	Persatuan Perpustakaan Malaysia
36.	1990/1991	Mariam binti Abdul Kadir	Persatuan Perpustakaan Malaysia
37.	1991/1993	Mariam binti Abdul Kadir	Persatuan Perpustakaan Malaysia
38.	1993/1995	Chew Wing Foong	Persatuan Perpustakaan Malaysia
39.	1995/1997	Chew Wing Foong	Persatuan Perpustakaan Malaysia
40.	1997/1999	Shahar Banun binti Jaafar	Persatuan Perpustakaan Malaysia
41.	1999/2001	Rashidah Begum binti Fazal Mohamed	Persatuan Pustakawan Malaysia
42.	2001/2003	Zawiyah binti Baba	Persatuan Pustakawan Malaysia
43.	2003/2005	Zawiyah binti Baba	Persatuan Pustakawan Malaysia
44.	2005/2007	Putri Saniah binti Megat Abd Rahman	Persatuan Pustakawan Malaysia
45.	2007/2008	Putri Saniah binti Megat Abd Rahman	Persatuan Pustakawan Malaysia
46.	2008/2010	Raslin bin Abu Bakar	Persatuan Pustakawan Malaysia
47.	2010/2012	Dr. Mohd Sharif bin Mohd. Saad	Persatuan Pustakawan Malaysia
48.	2012/2014	Dr. Mohd Sharif bin Mohd. Saad	Persatuan Pustakawan Malaysia
		Maimunah binti Kadir	
		Pemangku Presiden mulai 9 Disember 2013	
49.	2014/2016	Dr. Nor Edzan binti Che Nasir	Persatuan Pustakawan Malaysia
50.	2016/2018	Nafisah binti Ahmad	Persatuan Pustakawan Malaysia

VISI

Menjadi pemimpin cemerlang dalam pembangunan, promosi dan sokongan bagi profesional dan institusi perpustakaan dan maklumat Malaysia di dalam industri pengetahuan global.

MISI

Menyedari bahawa perpustakaan dan pusat maklumat merupakan sumber strategik pembangunan negara, Persatuan Pustakawan Malaysia beriltizam untuk mewujudkan sebuah masyarakat madani berasaskan pengetahuan melalui promosi ekuiti maklumat; pembelajaran sepanjang hayat dan sendiri; penambahbaikan profesional perpustakaan dan maklumat.

OBJEKTIF

Objektif PPM termaktub dalam Bahagian IV Perlembagaan PPM (Pindaan) 1998. Ianya adalah seperti berikut:

1. Memberi pandangan dan nasihat profesional yang bernas mengenai perkara yang berkaitan dengan pembangunan perpustakaan, pusat maklumat dan profesion ini.
2. Menyatukan semua pihak yang terlibat dalam kerja atau/dan kajian berkaitan perpustakaan dan maklumat.
3. Membentuk dan memperkenalkan piawaian dalam semua aspek pekerjaan dan perkhidmatan berkaitan perpustakaan dan maklumat.
4. Menyediakan dan menyokong pendidikan dan latihan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan, kelayakan dan status ahli yang menceburi profesion ini.
5. Memperkenalkan dan memantau perundangan berkaitan dengan profesion dan peruntukan perkhidmatan perpustakaan dan maklumat.
6. Merumus perundangan dan mengusahakan penerapannya ke dalam pembangunan profesion dan perkhidmatan perpustakaan dan maklumat.
7. Mengendali, menyokong dan menggalak penyelidikan untuk memajukan profesion dan perkhidmatan perpustakaan dan maklumat.
8. Memastikan penyebaran berkesan bagi maklumat berkaitan melalui penerbitan dalam pelbagai media.

9. Menjalinkan hubungan strategik dengan organisasi kebangsaan, serantau dan antarabangsa ke arah pensejagatan profesion dan perkhidmatan perpustakaan dan maklumat.
10. Menggalakkan kerjasama dan mewujudkan hubungan erat dengan kerajaan, orang awam dan profesion lain.
11. Berusaha mengawal atur amalan kepustakawanan dengan melaksanakan tataetika dan pendaftaran ahli.
12. Menjalankan kegiatan penubuhan tabung dana, termasuk mendapat sumbangan dalam bentuk wang tunai dan barangan untuk membiayai aktiviti yang selaras dengan objektif PPM.
13. Membeli, memperoleh dan memiliki harta untuk manfaat PPM dengan syarat Persatuan ini tidak mengembang atau mengguna apa-apa faedah harta tersebut untuk tujuan komersil.
14. Melabur; menguruskan akaun bank; menjalankan rundingan pinjaman dengan pihak bank dan institusi kewangan lain; melantik pemegang amanah; dan merancang pelbagai kegiatan untuk penubuhan dana dan pemilikan harta.
15. Memperkenalkan dan menyokong kegiatan pendidikan, budaya dan sosial untuk kebaikan masyarakat.

KOD ETIKA

Tujuan menyediakan Kod Etika Pustakawan Malaysia adalah untuk membantu dalam penetapan piawaian bagi perlakuan profesional ahli selari dengan matlamat dan objektif Persatuan. Ianya menepati salah satu objektif PPM seperti yang termaktub dalam Bahagian IV Perlembagaan PPM (Pindaan) 1998 iaitu “Berusaha mengawal atur amalan kepustakawanan dengan melaksanakan tataetika dan pendaftaran ahli.” Kod Etika ini boleh membantu menyelaras tindak laku pustakawan dalam memenuhi keperluan maklumat masyarakat. Memandangkan pustakawan mempunyai pengaruh atau kawalan signifikan ke atas pemilihan, penyusunan dan penyebaran maklumat, mereka diamanahkan tanggungjawab menyediakan akses kepada maklumat untuk klien mereka. Justeru, kod etika adalah penting dalam penentuan tanggungjawab profesional mereka.

Kod Etika bagi pustakawan juga amat diperlukan atas beberapa faktor seperti perubahan peranan pustakawan sebagai pegawai profesional maklumat, kewujudan perkhidmatan maklumat berbayar dan kepekaan terhadap profesionalisme. Permintaan dan keperluan maklumat yang lebih mencabar daripada pengguna memerlukan pustakawan memikir semula peranan mereka dalam penyediaan perkhidmatan maklumat. Pustakawan kini perlu memperoleh kemahiran baharu, mempelajari cara mengguna teknologi bagi memproses dan mengendali maklumat serta menetapkan piawaian prestasi kerja mereka. Oleh itu, satu Kod Etika amat diperlukan bagi penyediaan diri sebagai pustakawan yang memahami serta mengambil berat mengenai peranan mereka demi kepentingan masyarakat.

KOD ETIKA

Pustakawan perlu berpegang dan mengekalkan prinsip yang termaktub dalam Perlembagaan Persatuan Pustakawan Malaysia. Selain daripada itu, mereka:

1. Mesti memberi perkhidmatan cemerlang kepada pengguna perpustakaan melalui sumber bersesuaian dan tersusun, dasar perkhidmatan saksama dan tepat, maklum balas yang tidak berat sebelah dan menyantuni semua permintaan.
2. Mesti berusaha untuk kecemerlangan profesion dengan mengekal dan menambah baik pengetahuan dan kemahiran mereka, dan mengikuti perkembangan kepustakawanan.
3. Harus berpegang kepada prinsip kebebasan intelektual dan membenarkan pengguna mendapat akses secara percuma dan saksama kepada sumber maklumat tanpa diskriminasi, dalam batasan perundangan.
4. Mesti melindungi hak privasi dan kerahsiaan pengguna perpustakaan bagi maklumat yang dicari atau diterima, dan bahan yang dirujuk atau dipinjam.
5. Mesti membezakan di antara falsafah atau sikap peribadi dan tugas profesional tanpa mencampur aduk kepercayaan peribadi dengan matlamat institusi atau badan profesional.

6. Mesti mengelak keadaan di mana kepentingan dan faedah peribadi diperolehi dengan menyalahguna perpustakaan, pengguna, rakan sekerja atau majikan.
7. Mesti memastikan tindakan dan keputusan hanya ditentukan oleh pertimbangan profesional; pustakawan tidak boleh mendapat keuntungan dari kedudukan mereka selain daripada penggajian atau bayaran bagi perkhidmatan profesional.
8. Mesti melayan rakan sekerja dan rakan pustakawan secara hormat, adil dan muhibbah.

JAWATANKUASA DAN KUMPULAN

Jawatankuasa Tetap Perpustakaan Awam

1. Menyumbang ke arah pembangunan serta kecemerlangan profesion kepustakawanan melalui seminar, forum, kursus, bengkel, latihan dan ceramah dalam pelbagai bidang berkaitan dengan perpustakaan awam.
2. Mewujud jaringan dalam kalangan perpustakaan awam melalui Perpustakaan Negara Malaysia, Persatuan Pustakawan Malaysia dan Majlis Pengarah Perpustakaan Awam Se-Malaysia.
3. Menyedia piawaian dan garis panduan.
4. Menggalak usaha penyelidikan dan penerbitan.
5. Menyedia pelbagai laporan aktiviti Jawatankuasa untuk Majlis PPM dari semasa ke semasa.

Jawatankuasa Tetap Perpustakaan Akademik

1. Menyumbang ke arah pembangunan serta kecemerlangan profesion kepustakawanan melalui seminar, forum, kursus, bengkel, latihan dan ceramah dalam pelbagai bidang berkaitan dengan perpustakaan akademik.
2. Menggalak penggunaan aplikasi teknologi maklumat dalam kalangan perpustakaan akademik.
3. Menggalak usaha penerapan program literasi maklumat kepada pengguna.
4. Menyedia piawaian dan garis panduan.
5. Menggalak usaha penyelidikan dan penerbitan.
6. Menyedia pelbagai laporan aktiviti Jawatankuasa untuk Majlis PPM dari semasa ke semasa.

Jawatankuasa Tetap Perpustakaan Khusus

1. Menyumbang ke arah pembangunan serta kecemerlangan profesion kepustakawanan melalui seminar, forum, kursus, bengkel, latihan dan ceramah dalam pelbagai bidang berkaitan dengan perpustakaan khusus.
2. Menggalak penubuhan kumpulan-kumpulan perpustakaan khusus.
3. Menyedia piawaian, garis panduan dan direktori perpustakaan khusus.
4. Menggalak usaha penyelidikan dan penerbitan.
5. Menyedia pelbagai laporan aktiviti Jawatankuasa untuk Majlis PPM dari semasa ke semasa.

Jawatankuasa Tetap Pusat Sumber Sekolah

1. Menyumbang ke arah pembangunan serta kecemerlangan profesion kepustakawanan melalui seminar, forum, kursus, bengkel, latihan dan ceramah dalam pelbagai bidang berkaitan dengan pusat sumber sekolah.
2. Membantu meningkat mutu pengurusan dan perkhidmatan pusat sumber sekolah.
3. Menyedia piawaian dan garis panduan.
4. Menggalak usaha penyelidikan dan penerbitan.

5. Menyedia pelbagai laporan aktiviti Jawatankuasa untuk Majlis PPM dari semasa ke semasa.

Jawatankuasa Tetap Perkhidmatan Perpustakaan Kepada Golongan Khas

1. Menyumbang ke arah pembangunan serta kecemerlangan profesion kepustakawanan melalui seminar, forum, kursus, bengkel, latihan dan ceramah dalam pelbagai bidang berkaitan dengan perkhidmatan perpustakaan kepada golongan khas.
2. Menasihati Majlis PPM mengenai dasar perkhidmatan perpustakaan kepada golongan khas.
3. Melapor kepada Majlis PPM mengenai perkembangan dalam bidang perkhidmatan perpustakaan kepada golongan khas.
4. Menyedia pelbagai laporan aktiviti Jawatankuasa untuk Majlis PPM dari semasa ke semasa.

Jawatankuasa Pembangunan Profesional

1. Menyumbang ke arah pembangunan serta kecemerlangan profesion kepustakawanan melalui seminar, forum, kursus, bengkel, latihan dan ceramah dalam pelbagai bidang berkaitan.
2. Memudah proses transformasi pustakawan dan memperaku sebarang cadangan ke Majlis PPM.
3. Menyedia forum untuk pertukaran pendapat mengenai isu berkaitan kepustakawanan.
4. Memudah proses penyelesaian isu dan masalah yang menghalang kemajuan pembangunan pustakawan.
5. Menyedia pelbagai laporan aktiviti Jawatankuasa untuk Majlis PPM dari semasa ke semasa.

Jawatankuasa Promosi dan Keahlian

1. Menyedia garis panduan dan prosedur keahlian.
2. Mengurus dan menyimpan daftar ahli terkini.
3. Menyedia dan melaksana pelan strategi pemasaran dan promosi penambahan ahli.
4. Menyedia dan melaksana pelan strategi pemasaran jenama PPM kepada masyarakat tempatan dan antarabangsa.
5. Melaksana jerayawara bagi meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia mengenai peranan PPM dalam pembangunan perpustakaan dan kepustakawanan
6. Menyedia pelbagai laporan aktiviti Jawatankuasa untuk Majlis PPM dari semasa ke semasa.

Jawatankuasa Penerbitan

1. Menerbit *Berita PPM* atas talian secara berkala.
2. Menerbit *Jurnal PPM: Journal of Malaysian Librarians* setiap tahun.
3. Menerbit pelbagai penerbitan PPM.
4. Menganjur kursus dan bengkel mengenai penulisan dan penerbitan.
5. Menyedia pelbagai laporan aktiviti Jawatankuasa untuk Majlis PPM dari semasa ke semasa.

Jawatankuasa Teknologi Maklumat

1. Menyumbang ke arah pembangunan serta kecemerlangan profesion kepustakawanan melalui seminar, forum, kursus, bengkel dan latihan dalam pelbagai bidang teknologi maklumat.
2. Menggalak penggunaan aplikasi teknologi maklumat melalui persidangan, seminar, ceramah, bengkel, forum dan lain-lain.
3. Menasihati Majlis PPM mengenai dasar teknologi maklumat berkaitan perpustakaan.
4. Memberi pandangan mengenai pengwujudan perpustakaan elektronik yang merangkai perpustakaan, institusi penyelidikan, sekolah dan rumah secara bersepadu.
5. Menyedia piawaian dan garis panduan.
6. Mewujud kesepakatan strategik dengan agensi yang berkaitan dengan telekomunikasi, komputer dan pengeluaran maklumat.
7. Menyedia pelbagai laporan aktiviti Jawatankuasa untuk Majlis PPM dari semasa ke semasa.

Jawatankuasa Harta Intelek

1. Meneliti perkembangan perundangan berkaitan dengan harta intelek
2. Mengkaji kesan perundangan berkaitan dengan harta intelek ke atas perpustakaan di Malaysia.
3. Mengutara cadangan ke PPM mengenai tindakan yang perlu diambil untuk melindungi kepentingan perpustakaan dan pusat maklumat.
4. Mengada program khas bertujuan mendidik pustakawan mengenai perkara berkaitan dengan harta intelek.
5. Menyedia pelbagai laporan aktiviti Jawatankuasa untuk Majlis PPM dari semasa ke semasa.

Jawatankuasa Pendidikan Sains Perpustakaan dan Maklumat

1. Menyumbang ke arah pembangunan kurikulum pendidikan dan pembelajaran dalam bidang sains perpustakaan dan maklumat.
2. Mewujud jaringan dengan pusat pengajian sains perpustakaan dan maklumat untuk memantapkan sistem pendidikan sains perpustakaan dan maklumat.
3. Menyedia piawaian dan garis panduan.
4. Menggalak usaha penyelidikan dan penerbitan oleh pustakawan.
5. Menyedia pelbagai laporan aktiviti Jawatankuasa untuk Majlis PPM dari semasa ke semasa.

Jawatankuasa Kumpulan Perpustakaan Undang-Undang

1. Menyumbang ke arah pembangunan serta kecemerlangan profesion kepustakawan melalui seminar, forum, kursus, bengkel, latihan dan ceramah dalam pelbagai bidang berkaitan dengan perpustakaan undang-undang
2. Mempromosi kepentingan perpustakaan undang-undang dalam kalangan ahli dan pengurus maklumat undang-undang di Malaysia.
3. Memupuk hubungan kerjasama, rangkaian dan perkongsian sumber di antara perpustakaan undang-undang.

4. Merancang perolehan pangkalan data elektronik secara konsortium
5. Menyedia piawaian dan garis panduan.
6. Menggalak usaha penyelidikan dan penerbitan.
7. Menyedia pelbagai laporan mengenai aktiviti Jawatankuasa untuk Majlis PPM dari semasa ke semasa.

Jawatankuasa Perpustakaan Perubatan

1. Menyumbang ke arah pembangunan serta kecemerlangan profesion kepustakawanan melalui seminar, kursus, bengkel dan latihan dalam pelbagai bidang berkaitan dengan pengurusan perpustakaan perubatan.
2. Membantu dalam peningkatan mutu pengurusan dan perkhidmatan perpustakaan perubatan di Malaysia.
3. Memupuk hubungan kerjasama, rangkaian dan perkongsian sumber di antara perpustakaan perubatan.
4. Merancang perolehan pangkalan data elektronik secara konsortium.
5. Menyedia piawaian dan garis panduan.
6. Menggalak usaha penyelidikan dan penerbitan.
7. Menyedia pelbagai laporan mengenai aktiviti Jawatankuasa untuk Majlis PPM dari semasa ke semasa.

Jawatankuasa Perpustakaan Islam

1. Menyumbang ke arah pembangunan serta kecemerlangan profesion kepustakawanan melalui seminar, kursus, bengkel dan latihan dalam pelbagai bidang berkaitan dengan pengurusan perpustakaan Islam.
2. Membantu dalam peningkatan mutu pengurusan dan perkhidmatan perpustakaan Islam di Malaysia.
3. Memupuk hubungan kerjasama, rangkaian dan perkongsian sumber di antara perpustakaan Islam.
4. Menyedia piawaian dan garis panduan.
5. Menggalak usaha penyelidikan dan penerbitan.
6. Menyedia pelbagai laporan mengenai aktiviti Jawatankuasa untuk Majlis PPM dari semasa ke semasa.

Jawatankuasa Kecil Bangunan PPM

1. Mengurus bangunan kepunyaan PPM termasuk penggunaan, keselamatan dan penyelenggaraan.
2. Mengurus perkara berkaitan kewangan seperti pembayaran cukai tanah, cukai pintu dan kutipan sewa.
3. Menyedia pelbagai laporan aktiviti Jawatankuasa untuk Majlis PPM dari semasa ke semasa.

Jawatankuasa Kecil Pelaburan PPM

1. Mengkaji dan menilai pelaburan yang boleh dilaksana oleh PPM.

2. Memberi cadangan kepada Majlis PPM untuk membuat pelaburan yang boleh menjana pendapatan.
3. Menyedia pelbagai laporan aktiviti Jawatankuasa untuk Majlis PPM dari semasa ke semasa.

Jawatankuasa Kecil Latihan

1. Mengenalpasti latihan yang diperlukan dan bersesuaian dalam bidang kepustakawanan dan perkhidmatan perpustakaan.
2. Merancang dan menganjur latihan untuk peningkatan pengetahuan dan kemahiran.
3. Menjalin kerjasama dengan jawatankuasa dan kumpulan PPM serta institusi berkaitan bagi penganjuran latihan.
4. Melaksana inisiatif untuk mengiktiraf bidang kepustakawanan dan operasi perpustakaan mengikut keperluan perkhidmatan kerajaan.
5. Menyedia pelbagai laporan aktiviti Jawatankuasa untuk makluman Majlis PPM dari semasa ke semasa.

Jawatankuasa Kecil Sosial dan Khidmat Masyarakat

1. Merancang dan menganjur aktiviti sosial untuk mengeratkan hubungan sesama ahli.
2. Merancang dan menganjur aktiviti khidmat masyarakat bagi memenuhi tanggungjawab sosial
3. Merancang dan menganjur lawatan untuk mewujudkan jalinan kerjasama.
4. Mendapatkan sumbangan dari kalangan ahli bagi aktiviti khidmat masyarakat.
5. Menyedia pelbagai laporan mengenai aktiviti Jawatankuasa untuk Majlis PPM dari semasa ke semasa.

Jawatankuasa Kecil Anugerah PPM

1. Mengurus dan melaksana Anugerah PPM.
2. Mengurus dan melaksana Anugerah PPM yang dicadang oleh Majlis PPM dari semasa ke semasa.
3. Mendapatkan tajaan bagi Anugerah PPM.
4. Mengkaji semula dan menetapkan kriteria bagi anugerah PPM secara berkala.
5. Menyedia pelbagai laporan mengenai aktiviti Jawatankuasa untuk Majlis PPM dari semasa ke semasa.

Kumpulan PPM - Utara, Timur, Selatan, Sabah dan Sarawak

1. Menyumbang ke arah pembangunan serta kecemerlangan profesion kepustakawanan melalui seminar, forum, kursus, bengkel, latihan dan ceramah dalam pelbagai bidang perpustakaan dan kepustakawanan.
2. Mengada aktiviti khusus untuk menggalakkan pustakawan menjadi ahli.
3. Menyedia pelbagai laporan mengenai aktiviti Kumpulan untuk Majlis PPM dari semasa ke semasa.

Wakil PPM Peringkat Kebangsaan/Serantau/Antarabangsa

1. Mewakili PPM di dalam semua mesyuarat Jawatankuasa/Lembaga

2. Mengemuka pendapat dan pandangan PPM mengenai aktiviti Jawatankuasa/Lembaga kepada Jawatankuasa/Lembaga berkenaan
3. Menyebar maklumat mengenai aktiviti Jawatankuasa/Lembaga kepada semua ahli PPM
4. Menyedia laporan tentang keputusan dan perkembangan Jawatankuasa/Lembaga kepada Majlis PPM dari semasa ke semasa.

PERSATUAN PUSTAKAWAN MALAYSIA
PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 1998

PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 1998

I. NAMA DAN TAKRIF

1. Nama

Nama Persatuan ini adalah Persatuan Pustakawan Malaysia, yang selepas ini akan di rujuk sebagai PPM.

2. Takrif

Perkataan dan ungkapan berikut membawa maksud yang akan diberikan kepadanya :
“Kelayakan profesional yang diiktiraf” bermaksud kelayakan dalam bidang perpustakaan dan pengajian maklumat yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia atau PPM.

“M.A.T.” bermaksud Mesyuarat Agung Tahunan.

“M.A.L.” bermaksud Mesyuarat Agung Luar Biasa.

“Ahli Majlis” bermaksud Ahli Profesional atau Ahli Seumur Hidup yang dipilih atau dilantik untuk menganggotai Majlis.

“Ahli” bermaksud semua kategori ahli.

“Dalam faedah” bermaksud telah membayar yuran tahunan masa.

II. ALAMAT

1. Alamat Berdaftar

Alamat berdaftar PPM yang rasmi adalah 232, Jalan Tun Razak, 50572 Kuala Lumpur dan alamat surat-menyuratnya adalah Peti Surat 12545, 50782 Kuala Lumpur, Malaysia.

2. Tempat Mesyuarat

Tempat mesyuarat adalah di alamat berdaftar atau tempat lain yang akan ditetapkan oleh Majlis dari masa ke masa.

3. Penukaran Alamat

Alamat berdaftar tidak boleh ditukar tanpa mendapat kelulusan daripada Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

III. BAHASA

Bahasa rasmi PPM adalah Bahasa Malaysia.

IV. OBJEKTIF

Objektif PPM adalah:

1. Memberi pandangan dan nasihat profesional yang bernas mengenai perkara yang berkaitan dengan pembangunan perpustakaan, pusat maklumat dan profesion ini.
2. Menyatukan semua pihak yang terlibat dalam kerja atau/dan kajian berkaitan perpustakaan dan maklumat.
3. Membentuk dan memperkenalkan piawaian dalam semua aspek pekerjaan dan perkhidmatan berkaitan perpustakaan dan maklumat.
4. Menyediakan dan menyokong pendidikan dan latihan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan, kelayakan dan status ahli yang menceburi profesion ini.
5. Memperkenalkan dan memantau perundangan yang berkaitan dengan profesion dan peruntukan perkhidmatan perpustakaan dan maklumat.
6. Merumus perundangan dan mengusahakan penerapannya ke dalam pembangunan profesion dan perkhidmatan perpustakaan dan maklumat.
7. Mengendalikan, menyokong dan menggalakkan penyelidikan untuk memajukan profesion dan perkhidmatan perpustakaan dan maklumat.
8. Memastikan penyebaran berkesan bagi maklumat yang berkaitan melalui penerbitan dalam pelbagai media.
9. Menjalinkan hubungan strategik dengan organisasi kebangsaan, serantau dan antarabangsa ke arah pensejagatan profesion dan perkhidmatan perpustakaan dan maklumat.
10. Menggalakkan kerjasama dan mewujudkan hubungan erat dengan kerajaan, orang awam dan profesion lain.
11. Berusaha mengawalatur amalan kepustakawanan dengan melaksanakan tataetika dan pendaftaran ahli.
12. Menjalinkan kegiatan penubuhan tabung dana, termasuk mendapatkan sumbangan dalam bentuk wang tunai dan barangan untuk membiayai aktiviti yang selaras dengan objektif PPM.

13. Membeli, memperoleh dan memiliki harta untuk manfaat PPM dengan syarat Persatuan ini tidak mengembangkan atau menggunakan apa-apa faedah harta tersebut untuk tujuan komersil.
14. Melabur, menguruskan akaun bank dan menjalankan rundingan pinjaman dengan pihak bank dan institusi kewangan lain, melantik pemegang amanah dan merancang pelbagai kegiatan untuk penubuhan dana dan pemilikan harta.
15. Memperkenalkan dan menyokong kegiatan pendidikan, budaya dan sosial untuk kebaikan masyarakat.

V. PENAUNG

Majlis PPM mempunyai kuasa untuk mengundang seseorang yang difikirkannya sesuai untuk menjadi Penaung PPM dan kegiatannya.

VI. GABUNGAN DENGAN PERTUBUHAN LAIN

Majlis PPM mempunyai kuasa untuk menggabungkan PPM dengan pertubuhan lain yang diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

VII. KEAHLIAN

1. Kategori Keahlian

Keahlian adalah terdiri daripada 7 kategori:

- (a) Ahli Profesional - Orang yang bermastautin di Malaysia dan mempunyai kelayakan profesional yang diiktiraf.
- (b) Ahli Profesional yang Sepadan - Orang yang tidak bermastautin di Malaysia atau warganegara Malaysia yang bermastautin di luar negara dalam tempoh melebihi satu tahun dan mempunyai kelayakan profesional yang diiktiraf.
- (c) Ahli Seumur Hidup - Orang yang telah menjadi Ahli Profesional tidak kurang dari lima tahun berturut-turut dan telah menjelaskan yuran masa dan membuat pembayaran sekaligus bagi semua yuran berikutnya.
- (d) Ahli Penuntut - Orang yang mendalami bidang profesion ini atau bidang berkaitan di institusi pengajian tinggi.
- (e) Ahli Kehormat Seumur Hidup - Orang yang pada pendapat Majlis telah memberi sumbangan istimewa dalam menggalakkan bidang kepustakawanan.

- (f) Ahli Institusi - Mana-mana perpustakaan dan persatuan perpustakaan yang berminat dengan objektif PPM.
- (g) Ahli Gabungan
 - (i) Perseorangan - Orang yang berminat dengan objektif PPM tetapi tidak mempunyai kelayakan profesional yang diiktiraf.
 - (ii) Institusi - Mana-mana institusi selain yang tercatat dalam Fasal VII. 1. (f) yang berminat dengan objektif PPM.

2. Kemasukan Ahli

- (a) (i) Ahli Profesional, Ahli Penuntut dan Ahli Gabungan (Perseorangan) - Mana-mana orang yang layak di bawah Fasal VII. 1. (a), (d) atau (g)(i) boleh memohon kepada Majlis untuk menjadi ahli dengan menggunakan borang yang telah ditetapkan dan sewajarnya disokong oleh seorang Ahli Profesional atau Ahli Seumur Hidup.
- (ii) Ahli Profesional yang Sepadan - Mana-mana orang yang layak di bawah Fasal VII. 1. (b) boleh memohon kepada Majlis untuk menjadi ahli atau menukar taraf keahlian dengan menggunakan borang yang ditetapkan.
- (iii) Ahli Institusi - Mana-mana perpustakaan, persatuan perpustakaan atau institusi lain yang layak di bawah Fasal VII. 1. (f) atau (g)(ii) boleh memohon kepada Majlis untuk menjadi ahli dengan menggunakan borang yang ditetapkan.
- (b) Permohonan tidak akan dilayan melainkan jika disertakan yuran yang telah ditetapkan.
- (c) Majlis berhak menerima atau menolak sesuatu permohonan walaupun secara majoriti kecil dengan syarat tiada permohonan tersebut yang ditolak tanpa sebab yang tidak wajar.
- (d) Penuntut universiti atau pusat pengajian tidak boleh menjadi ahli tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Institusi berkenaan.

3. Pendaftaran Ahli

Majlis akan menyenggara buku Daftar Ahli. Setiap orang atau badan yang permohonan keahliannya telah diterima di bawah Fasal VII. 2. berhak diterima kemasukannya dan didaftarkan sebagai Ahli.

4. Pencalonan dan Pemilihan

- (a) Hanya Ahli Seumur Hidup dan Ahli Profesional yang telah menjadi ahli berbayar bagi sekurang-kurangnya tiga tahun berturut-turut dan pada masa ini bermastautin di negara ini adalah layak untuk bertanding di M.A.T dan M.A.L.
- (b) Hanya Ahli Seumur Hidup dan Ahli Profesional dalam faedah dan kini bermastautin di negara ini adalah layak untuk membuat pencalonan dan mengundi di M.A.T dan M.A.L.

5. Penarikan Diri

Mana-mana ahli yang ingin menarik diri daripada menjadi ahli PPM hendaklah memberi notis 2 minggu secara bertulis kepada Setiausaha Kehormat.

VIII. YURAN KEAHLIAN

1. Kadar

Kadar untuk yuran tahunan adalah:

- (a) Ahli Profesional
 - Ahli yang memperoleh pendapatan kasar:

Bawah RM1,500 sebulan	RM30.00
RM1,501 - RM2,500 sebulan	RM40.00
RM2,501 - RM5,000 sebulan	RM50.00
RM5,001 dan ke atas sebulan	RM70.00
 - (b) Ahli Profesional yang Sepadan
 - (c) Ahli Seumur Hidup (bayaran sekali sahaja)
 - (d) Ahli Penuntut
 - (e) Ahli Institusi
 - (f) Ahli Gabungan
 - (i) Individu

(ii) Institusi	
- Awam	RM50.00
- Syarikat	RM100.00

2. Yuran

Yuran tahunan hendaklah dijelaskan pada 1 Januari setiap tahun dan tidak akan dikembalikan.

3. Penalti

Jika mana-mana ahli gagal menjelaskan yurannya sehingga 30 Jun setiap tahun, beliau akan diberi notis berkenaan tunggakkannya ini. Jika beliau gagal menjelaskan tunggakkannya setelah notis dikeluarkan, keahliannya akan di gantung. Mana-mana ahli yang layak untuk mengundi di M.A.T atau M.A.L. tidak berhak mengundi jika gagal menjelaskan yurannya sebelum M.A.T setiap tahun.

4. Bayaran Pendaftaran

Semua kategori ahli RM30.00

5. Bayaran Pendaftaran Semula

Majlis mempunyai kuasa untuk mengenakan bayaran pendaftaran semula sebanyak RM10.00 dan apa jua bayaran yang sepatutnya kepada semua kategori ahli yang pembayaran yurannya tertunggak.

6. (a) Ahli berhak menerima Laporan Tahunan, surat berita dan terbitan percuma yang lain dan menghadiri M.A.T dan M.A.L. Ahli akan diberikan potongan harga bagi semua terbitan yang dijual.
- (b) Ahli berhak menerima konsesi khas untuk menghadiri ceramah, seminar atau kegiatan lain yang berkaitan yang dianjurkan atau dianjurkan bersama oleh PPM. Ahli Institusi boleh mewakilkan seorang ahlinya untuk menyertai semua kegiatan PPM.

IX. MESYUARAT

1. M.A.T.

- (a) M.A.T. hendaklah diadakan tidak lewat dari 31 Mac setiap tahun pada tarikh, waktu dan masa yang akan ditetapkan oleh Majlis PPM.
- (b) M.A.T. hendaklah:
 - (i) Melantik pada penghujung setiap tempoh dua tahun dua orang Pemerhati yang hendaklah terdiri daripada Ahli Profesional/Ahli Seumur Hidup dan yang tidak akan dicalonkan dalam Majlis yang akan datang.
 - (ii) Mengesahkan minit M.A.T. yang lalu dan mana-mana minit M.A.L. yang berikutnya.
 - (iii) Menerima dan menimbangkan Laporan Tahunan.
 - (iv) Menerima dan menimbangkan laporan daripada Bendahari Kehormat dan akaun teraudit untuk tahun yang lalu.
 - (v) Memilih ahli untuk ke Majlis PPM secara undi rahsia pada penghujung setiap tempoh dua tahun.
 - (vi) Menimbangkan pindaan Perlembagaan dan apa-apa perkara lain yang notisnya secara bertulis telah diberi kepada Setiausaha Kehormat sekurang-kurangnya satu bulan sebelum mesyuarat dijangka akan diadakan.
 - (vii) Melantik seorang atau lebih Juruaudit Kehormat yang bukan pemegang jawatan dalam PPM.
 - (viii) Menimbangkan apa-apa perkara lain, tertakluk kepada kelulusan Pengerusi, yang belum diberi apa-apa notis sebelumnya, dengan syarat tiada keputusan yang boleh diambil.
- (c) Notis M.A.T. hendaklah diberi secara bertulis kepada semua ahli oleh Setiausaha Kehormat sekurang-kurangnya tujuh minggu sebelum tarikh yang ditetapkan untuk M.A.T. tersebut.
- (d) Pada penghujung setiap tempoh dua tahun:
 - (i) Seorang Pegawai Pemilihan (bukan Setiausaha Kehormat) yang hendaklah merupakan Ahli Profesional/Ahli Seumur Hidup dan sebaik-baiknya Ahli Majlis yang tidak akan bertanding, hendaklah dilantik oleh Majlis sekurang-kurangnya 10 minggu sebelum M.A.T. Pegawai Pemilihan adalah

bertanggungjawab memastikan kelancaran perjalanan pencalonan dan pemilihan pemegang jawatan sebelum dan pada M.A.T. Tempoh jawatannya akan berakhir secara automatik satu minggu selepas M.A.T.

- (ii) Borang pencalonan hendaklah dihantar kepada Ahli Profesional/Ahli Seumur Hidup tujuh minggu sebelum tarikh M.A.T. Pencalonan yang sepatutnya dicadangkan oleh Ahli Profesional/Ahli Seumur Hidup dan dengan persetujuan calon hendaklah sampai kepada Pegawai Pemilihan tidak lewat dari lima minggu sebelum tarikh M.A.T.
- (iii) Pegawai Pemilihan hendaklah mengedarkan kertas undi tidak lewat dari tiga minggu sebelum M.A.T dan kertas undi tersebut hendaklah dikembalikan kepadanya pada atau sebelum tarikh M.A.T. Walau bagaimanapun, seandainya pencalonan yang diterima pada tarikh tersebut tidak mencukupi, pencalonan boleh diterima daripada hadirin dalam M.A.T. secara undi rahsia.
- (e) Sekurang-kurangnya dua minggu sebelum M.A.T., Setiausaha Kehormat hendaklah mengedarkan agenda, minit M.A.T atau M.A.L. yang lalu, laporan tahunan dan penyata akaun teraudit kepada ahli.
- (f) Mana-mana ahli boleh mengusulkan resolusi kepada M.A.T. dengan syarat notis bertulis diberi kepada Setiausaha Kehormat sekurang-kurangnya tiga minggu sebelum M.A.T.

2. M.A.L

- (a) M.A.L. akan diadakan:
 - (i) Pada bila-bila masa yang difikirkan sesuai oleh Majlis.
 - (ii) Dengan adanya permohonan bersama secara bertulis oleh tidak kurang daripada empat puluh orang ahli atau satu pertiga daripada jumlah ahli berdaftar, mengikut mana-mana yang sedikit.
- (b) Notis dan agenda mesyuarat tersebut hendaklah diedarkan oleh Setiausaha Kehormat kepada semua ahli sekurang-kurangnya dua minggu sebelum tarikh mesyuarat. Mesyuarat tersebut hendaklah diadakan tidak lewat dari tiga minggu dari tarikh yang ditetapkan oleh Majlis atau tarikh penerimaan permohonan daripada ahli.

